

Jenis Akhbar : Berita RTM Online  
Tarikh : 01/12/2022  
Edisi / Muka surat : <https://berita.rtm.gov.my/>  
Tajuk : ANGKASA optimis promosi Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau

## Angkasa optimis promosi Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau



**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**  
**انكاتن كوفراسي كبحسان مليسيا برحد**  
(Malaysian National Co-operative Movement)

. **KUALA LUMPUR, 1 Disember** - RM37.9 bilion nilai perolehan gerakan koperasi berjaya dicatatkan setakat 31 Disember 2021 dengan jumlah aset RM156.2 bilion.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata jumlah itu dijangka terus meningkat hasil kerjasama antara Angkasa dengan koperasi peringkat rantau Asia Pasific (C2C).

Katanya, ia sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.



(Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah)

"Kita jangka kalau ini dapat dibuat, perdagangan koperasi di Malaysia akan dapat kita tingkatkan dan kita percaya pada masa hadapan, untuk kelangsungan koperasi mesti menguasai pasaran di peringkat global," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Ikatan Koperasi Antarabangsa Rantau Asia Pasifik (ICA-AP), di ibu negara.

Tambah Fattah, Angkasa turut optimis dalam usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau di lebih 29 negara anggota terlibat.

Fokus utama adalah untuk mengetengahkan produk halal, kewangan Islam, model koperasi sekolah dan koperasi masjid sebagai produk utama.